

**Bonus: KSN Nasihat Penjawat Awam Supaya Berbelanja Berhemah
Bernama
25 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 25 Julai (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa menasihati penjawat awam supaya menggunakan bonus yang diterima secara berhemah.

Beliau berkata pemberian bonus itu menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada penjawat awam supaya mereka dapat meraikan Aidilfitri dengan lebih selesa.

"Gunakan bonus yang diterima ini dengan bijak untuk keceriaan semasa Aidilfitri," katanya kepada pemberita sebelum Majlis Berbuka Puasa Ketua Setiausaha Negara di sini Rabu.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju membayar bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500 kepada penjawat awam.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, turut mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju memberi Bayaran Khas Kewangan sebanyak RM500 kepada pesara kerajaan.

Bayaran itu akan dibuat pada 9 Ogos ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683190>

